

08/11/1997

Kanada terus tingkat pelaburan di Malaysia

PENURUNAN nilai ringgit dan sentimen lembab pasaran saham dijangka tidak akan menjejaskan minat pelabur Kanada untuk terus meningkatkan pembabitan mereka di negara ini berikutan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia, Andre'S Simard, berkata pertumbuhan ekonomi negara yang masih kukuh mampu menarik lebih ramai pelabur Kanada untuk terus melabur di Malaysia.

Menurutnya, peluang meneroka pelbagai industri tempatan dijangka membuka banyak ruang kepada kedua-dua negara untuk berkongsi keupayaan teknologi tinggi dalam usaha meningkatkan hubungan perdagangan dua hala.

"Kedudukan ekonomi Malaysia yang masih kukuh mampu mendorong mereka untuk meningkatkan pelaburan di negara ini," katanya pada sidang akhbar mengumumkan dialog ketua-ketua perniagaan Malaysia-Kanada Kedua di Kuala Lumpur, semalam.

Dialog anjuran bersama Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli); Dewan Perdagangan Kanada dan Ottawa-Carleton Economic Development Corporation akan diadakan di Ottawa, Kanada 21 November ini.

Simard berkata ketika ini sejumlah 80 syarikat Kanada melabur di negara ini dalam pelbagai sektor dan bilangannya dijangka terus meningkat menerusi peluang pelaburan disediakan.

Selain itu, katanya, Kanada juga berminat untuk menyertai industri kecil dan sederhana (IKS) yang berpotensi untuk dibangunkan.

Presiden Asli, Mirzan Mahathir, pula berkata dialog itu yang dijangka menarik kira-kira 100 ahli perniagaan, mempunyai matlamat untuk mengembangkan perniagaan dan kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara.

Selain itu, ia juga sebagai langkah mempromosi usaha sama yang strategik bagi usahawan tempatan dan Kanada di samping mengenal pasti bentuk pelaburan baru serta peluang pemindahan teknologi.

"Kejatuhan nilai ringgit juga berupaya memberi manfaat kepada pelabur Kanada untuk terus melabur di negara ini."

"Selain itu, sektor swasta tempatan juga perlu mengambil peluang untuk menikmati peluang pelaburan di negara berkenaan dalam usaha meningkatkan eksport negara," katanya.

Menurutnya, usaha sama di antara kedua negara terutama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk kegiatan teknologi maklumat, industri minyak dan gas berupaya menyumbang terhadap pertumbuhan sektor berkenaan di negara ini.

"Dialog itu dijangka memberi gambaran lebih baik terhadap peluang pelaburan di kedua-dua negara," katanya.

(END)